



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA 134

AKTA ORANG ASLI 1954 (DISEMAK-1974)

mengandungi pindaan terkini - P.U. (B) 324/70

Tarikh mula akta digubai :	1954 (Ordinan No. 3 tahun 1954)
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i> :	13 Jun 1974
Tarikh mula berkuatkuasa ditetapkan :	25 Februari 1954
Disemak sehingga :	1974 (Akta 134 m.b.p. 1 Julai 1974)
Tarikh disiarkan dalam <i>Warta</i> edisi semakan :	1 Julai 1974
Tarikh mula berkuatkuasa edisi semakan :	Pertama : 1997
Cetakan semula :	Kedua : 2000 Ketiga : 2006

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Aboriginal Peoples Act 1954. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sahih di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

SUSUNAN SEKSYEN

Tajuk Panjang & Mukadimah.

- Seksyen 1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
- Seksyen 2. Tafsiran.
- Seksyen 3. Takrif orang asli.
- Seksyen 4. Pentadbiran orang asli.
- Seksyen 5. Perlantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah.
- Seksyen 6. Kawasan orang asli.
- Seksyen 7. Rizab orang asli.
- Seksyen 8. Hak menduduki.
- Seksyen 9. Urus niaga mengenai tanah oleh orang asli.
- Seksyen 10. Masyarakat orang asli tidak berkewajipan meninggalkan kawasan yang diisyiharkan Rizab Orang Melayu, dll.
- Seksyen 11. Pampasan ke atas pemberian hakmilik tanah Kerajaan yang diatasnya tumbuh pokok buah-buahan atau pokok getah.
- Seksyen 12. Pampasan.
- Seksyen 13. Pengambilan dengan paksa tanah untuk kawasan atau rizab orang asli.
- Seksyen 14. Orang dilarang masuk ke kawasan orang asli dan rizab orang asli.
- Seksyen 15. Pengusiran orang yang tidak diingini.
- Seksyen 16. Ketua.
- Seksyen 17. Orang asli tidak boleh dihalang masuk ke mana-mana sekolah.
- Seksyen 18. Kanak-kanak orang asli tidak boleh diambil sebagai anak angkat, dsb.
- Seksyen 19. Peraturan-peraturan.

JADUAL.

SENARAI PINDAAN.

Tajuk Panjang & Mukadimah.

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan kesejahteraan dan kemajuan orang asli di Semenanjung Malaysia.

Seksyen 2. Tafsiran.

Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

"bahasa orang asli" termasuk apa-apa bahasa dan apa-apa ubah suaian dialek atau bentuk kuno bahasa yang lazim digunakan oleh mana-mana orang asli;

"beri hakmilik" berhubung dengan tanah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah yang berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia;

"cara hidup orang asli" termasuklah hidup dalam masyarakat tetap di kampung sama ada di pedalaman atau sepanjang pantai;

"kawasan orang asli" ertinya sesuatu kawasan orang asli yang diisytiharkan sebagai sedemikian di bawah Akta ini;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah bagi Hal Ehwal Orang Asli yang dilantik di bawah seksyen 5;

"kumpulan etnik orang asli" ertinya sesuatu pembahagian suku orang asli yang berbeza sebagaimana yang dicirikan oleh kebudayaan, bahasa atau organisasi sosial dan termasuk mana-mana kumpulan yang boleh diisytiharkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, dengan perintah, sebagai suatu kumpulan etnik orang asli;

"kumpulan kaum orang asli" ertinya satu daripada tiga kumpulan utama orang asli di Semenanjung Malaysia yang terbahagi mengikut kaum kepada Negrito, Senoi dan Melayu-Proto;

"masyarakat orang asli" ertinya anggota satu kumpulan etnik orang asli yang tinggal bersama di satu tempat;

"rizab orang asli" ertinya sesuatu rizab orang asli yang diisytiharkan sebagai sedemikian di bawah Akta ini;

"tempat yang diduduki oleh orang asli" ertinya mana-mana tempat yang diduduki oleh sesuatu masyarakat orang asli tetapi belum diisytiharkan sebagai kawasan orang asli atau rizab orang asli;

"Timbalan Ketua Pengarah" ertinya Timbalan Ketua Pengarah bagi Hal Ehwal Orang Asli yang dilantik di bawah seksyen 5.

Seksyen 3. Takrif orang asli.

(1) Dalam Akta ini orang asli ialah—

(a) mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik orang asli, yang bercakap bahasa orang asli dan lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli, dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu;

- (b) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh orang asli yang telah dibesarkan sebagai seorang orang asli, lazimnya bercakap bahasa orang asli, lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli dan ialah anggota suatu masyarakat orang asli; atau
- (c) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan orang asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa orang asli, lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli dan masih lagi menjadi anggota suatu masyarakat orang asli.
- (2) Mana-mana orang asli yang oleh sebab memeluk mana-mana agama lain atau kerana apa-apa sebab lain tidak lagi berpegang kepada kepercayaan orang asli tetapi dia masih mengikut cara hidup orang asli dan adat orang asli atau bercakap bahasa orang asli tidak boleh disifatkan tidak lagi menjadi orang asli semata-mata oleh sebab dia mengamalkan agama itu.
- (3) Apa-apa persoalan sama ada mana-mana orang ialah orang asli atau bukan orang asli hendaklah diputuskan oleh Menteri.

Seksyen 4. Pentadbiran orang asli.

Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran, kebajikan dan kemajuan am orang asli:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai menghalang mana-mana ketua orang asli daripada menjalankan kuasanya dalam perkara adat dan kepercayaan orang asli dalam mana-mana masyarakat orang asli atau mana-mana kumpulan etnik orang asli.

Seksyen 5. Perlantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah.

- (1) Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seorang Ketua Pengarah bagi Hal Ehwal Orang Asli, dan seberapa ramai Timbalan Ketua Pengarah bagi Hal Ehwal Orang Asli dan pegawai lain sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud Akta ini.
- (2) Menjadi sah bagi Ketua Pengarah untuk melakukan segala perbuatan yang semunasabahnya perlu dan bersampingan atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini termasuk penjalanan penyelidikan terhadap apa-apa aspek kehidupan orang asli.
- (3) Semua kuasa Ketua Pengarah di bawah Akta ini boleh dijalankan oleh Timbalan Ketua Pengarah.
- (4) Tiap-tiap orang yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

Seksyen 6. Kawasan orang asli.

- (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan mana-mana kawasan yang diduduki kebanyakannya atau hanya oleh orang asli, yang belum lagi diisytiharkan sebagai rizab orang asli di bawah seksyen 7, sebagai suatu kawasan orang asli dan boleh mengisytiharkan kawasan itu untuk dibahagikan kepada satu kanton orang asli atau lebih:

Dengan syarat bahawa jika ada lebih daripada satu kumpulan etnik orang asli maka hendaklah

ada bilangan kanton yang sama banyaknya dengan bilangan kumpulan etnik orang asli.

(2) Di dalam sesuatu kawasan orang asli—

- (i) tiada tanah boleh diisyiharkan sebagai Rizab Orang Melayu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan Rizab Orang Melayu;
- (ii) tiada tanah boleh diisyiharkan sebagai suatu tempat perlindungan atau rizab di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pelindungan haiwan dan burung liar;
- (iii) tiada tanah boleh diberi hakmilik, diberikan, dipajakkan atau selainnya dilupuskan kepada orang yang bukan orang asli yang biasanya bermastautin di dalam kawasan orang asli itu atau kepada mana-mana perusahaan komersial tanpa berunding dengan Ketua Pengarah; dan
- (iv) tiada lesen bagi pemungutan hasil hutan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan hutan boleh dikeluarkan kepada orang yang bukan orang asli yang biasanya bermastautin di dalam kawasan orang asli itu atau kepada mana-mana perusahaan komersial tanpa berunding dengan Ketua Pengarah dan dalam memberikan apa-apa lesen sedemikian bolehlah diperintahkan supaya suatu kadar tertentu buruh orang asli diambil kerja.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh dengan cara yang sama membatalkan keseluruhan atau sebahagian atau mengubah mana-mana perisytiharan kawasan orang asli yang dibuat di bawah subseksyen (1).

Seksyen 7. Rizab orang asli.

(1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisyiharkan mana-mana kawasan yang diduduki hanya oleh orang asli sebagai suatu rizab orang asli:

Dengan syarat—

- (i) jika didapati tidak mungkin orang asli akan tinggal kekal di tempat itu, tempat itu tidak boleh diisyiharkan sebagai rizab orang asli tetapi hendaklah menjadi sebahagian daripada kawasan orang asli; dan
- (ii) suatu rizab orang asli boleh diadakan di dalam sesuatu kawasan orang asli.

(2) Di dalam sesuatu rizab orang asli—

- (i) tiada tanah boleh diisyiharkan sebagai Rizab Orang Melayu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan Rizab Orang Melayu;
- (ii) tiada tanah boleh diisyiharkan sebagai tempat perlindungan atau rizab di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pelindungan binatang dan burung liar;
- (iii) tiada tanah boleh diisyiharkan sebagai hutan rizab di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan hutan;
- (iv) tiada tanah boleh diberikan hakmilik, diberikan, dipajakkan atau selainnya dilupuskan kecuali kepada orang asli daripada masyarakat orang asli yang biasanya bermastautin di dalam rizab itu; dan
- (v) tiada pendudukan sementara mana-mana tanah boleh dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh dengan cara yang sama membatalkan keseluruhan atau sebahagian atau mengubah mana-mana perisyiharan rizab orang asli yang dibuat di bawah subseksyen (1).

Seksyen 8. Hak menduduki.

(1) Pihak Berkuasa Negeri boleh memberikan hak menduduki mana-mana tanah yang bukan tanah yang diberikan hakmilik atau tanah yang dipajakkan bagi apa-apa maksud di dalam mana-mana kawasan orang asli atau rizab orang asli.

(2) Hak menduduki boleh diberikan—

(a) kepada—

(i) mana-mana individu orang asli;

(ii) anggota mana-mana keluarga orang asli; atau

(iii) anggota mana-mana masyarakat orang asli;

(b) tanpa perlu membayar sewa atau tertakluk kepada apa-apa sewa yang boleh dikenakan dalam pemberian itu;
dan

(c) tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan dengan pemberian itu,

dan hendaklah disifatkan sebagai tidak memberi mana-mana orang apa-apa hakmilik yang lebih baik daripada hakmilik seorang penyewa atas ihsan.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang pemberian hakmilik, pemberian atau pemajakan mana-mana tanah daripada kepada mana-mana orang asli.

Seksyen 9. Urus niaga mengenai tanah oleh orang asli.

Tiada orang asli boleh memindahkan hakmilik, memajakkan, menggadai janji atau selainnya melupuskan mana-mana tanah kecuali dengan persetujuan Ketua Pengarah dan apa-apa urus niaga sedemikian yang dibuat tanpa persetujuan Ketua Pengarah adalah tidak sah dan tidak berkuat kuasa.

Seksyen 10. Masyarakat orang asli tidak berkewajipan meninggalkan kawasan yang diisytiharkan Rizab Orang Melayu, dll.

(1) Sesuatu masyarakat orang asli yang bermastautin di dalam mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai Rizab Orang Melayu, hutan rizab atau rizab mergastua di bawah mana-mana undang-undang bertulis boleh, walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam undang-undang bertulis itu, terus bermastautin di dalamnya mengikut apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui kaedah-kaedah.

(2) Apa-apa kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan dengan nyata bahawa kesemua atau mana-mana peruntukan undang-undang bertulis itu tidak berkuat kuasa berkenaan dengan masyarakat orang asli itu atau bahawa mana-mana peruntukan undang-undang bertulis itu hendaklah diubahsuai dalam pemakaianya terhadap masyarakat orang asli itu mengikut apa-apa cara yang akan ditentukan.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh dengan perintah menghendaki mana-mana masyarakat orang asli meninggalkan dan berada di luar mana-mana kawasan itu dan boleh dalam perintah itu membuat apa-apa peruntukan berbangkit termasuklah pembayaran pampasan, sebagaimana yang perlu.

(4) Apa-apa pampasan yang kena dibayar di bawah subseksyen (3) boleh dibayar mengikut seksyen 12.

Seksyen 11. Pampasan atas pemberian hakmilik tanah Kerajaan yang diatasnya tumbuh pokok buah-buahan atau pokok getah

(1) Jika sesuatu masyarakat orang asli membuktikan suatu tuntutan terhadap pokok buah-buahan atau pokok getah di atas mana-mana tanah Kerajaan yang diberi milik, diberikan, dipajakkan bagi apa-apa maksud, diduduki buat sementara waktu di bawah lesen atau selamanya dilupuskan, maka pampasan sedemikian rupa hendaklah dibayar kepada masyarakat orang asli itu sebagaimana yang didapati adil oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Apa-apa pampasan yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) boleh dibayar mengikut seksyen 12.

Seksyen 12. Pampasan.

Jika mana-mana tanah disingkirkan daripada mana-mana kawasan orang asli atau rizab orang asli atau jika mana-mana tanah di dalam mana-mana kawasan orang asli diberikan hakmilik, diberikan, dipajakkan bagi apa-apa maksud atau selainnya dilupuskan, atau jika apa-apa hak atau keistimewaan di dalam mana-mana kawasan orang asli atau rizab orang asli yang diberikan kepada mana-mana orang asli atau masyarakat orang asli dibatalkan keseluruhannya atau sebahagiannya, Pihak Berkuasa Negeri boleh memberikan pampasan baginya dan boleh membayar pampasan itu kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepadanya atau boleh, jika difikirkannya patut, membayar pampasan itu kepada Ketua Pengarah untuk disimpan olehnya sebagai suatu kumpulan wang am bagi orang itu atau bagi masyarakat orang asli itu sebagaimana yang diarahkan, dan untuk ditadbirkan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Menteri.

Seksyen 13. Pengambilan paksa tanah bagi kawasan atau rizab orang asli.

Apabila mana-mana harta tak alih, yang bukan tanah Kerajaan, adalah perlu untuk diambil supaya dapat diisytiharkannya sebagai kawasan orang asli atau rizab orang asli, harta itu boleh diambil mengikut undang-undang bertulis mengenai pengambilan tanah dan apa-apa perisyntiaran yang dikehendaki oleh undang-undang itu bahawa harta itu adalah diperlukan sedemikian hendaklah berkuat kuasa seolah-olah perisyntiaran itu ialah suatu perisyntiaran bahawa harta itu adalah diperlukan bagi maksud awam mengikut undang-undang bertulis itu.

Seksyen 14. Orang dilarang masuk ke kawasan orang asli dan rizab orang asli.

(1) Menteri boleh, jika dia berpuas hati bahawa dengan mengambil kira pentadbiran sepatutnya kebijakan orang asli dalam mana-mana kawasan orang asli atau rizab orang asli atau tempat yang diduduki oleh orang asli, adalah perlu supaya mana-mana orang atau golongan orang patut dilarang daripada memasuki atau berada dalam kawasan, rizab atau tempat itu, membuat suatu perintah bagi maksud itu dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual.

(2) (a) Perintah itu apabila dialamatkan kepada seseorang individu, boleh disampaikan kepada orang yang dinamakan dalam perintah itu oleh seorang pegawai polis atau oleh mana-mana orang yang boleh diarahkan oleh Menteri untuk menyampaikannya.

(b) Perintah itu hendaklah, jika boleh dilaksanakan, disampaikan kepada orang yang dinamakan dalam perintah itu sendiri dengan menunjukkan kepadanya perintah asal dan dengan memberikan atau menyerahkan suatu salinan perintah itu yang ditandatangani oleh Menteri kepadanya.

(c) Jika perintah itu tidak dapat disampaikan dengan mudah seperti tersebut terdahulu pegawai penyampai itu hendaklah menampalkan satu salinan perintah itu di suatu bahagian rumah itu yang mudah dilihat atau di tempat lain di mana orang yang dinamakan dalam perintah itu biasanya bermastautin dan dengan demikian perintah itu hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sewajarnya.

(d) Suatu perakuan yang ditandatangani oleh Menteri bahawa suatu perintah telah disampaikan dengan sepatutnya kepada orang yang dinamakan dalam perintah itu hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding kehakiman dan apabila dikemukakan perakuan itu mahkamah hendaklah menganggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa perintah itu telah disampaikan dengan sewajarnya.

(3) Perintah itu, apabila dialamatkan kepada suatu golongan orang, hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(4) Mana-mana orang yang kepadanya telah disampaikan suatu perintah mengikut seksyen ini yang dijumpai dalam mana-mana kawasan orang asli, rizab orang asli atau mana-mana tempat yang diduduki oleh orang asli yang disebut dalam perintah itu dan mana-mana orang yang anggota mana-mana golongan orang yang telah dilarang daripada memasuki atau berada dalam mana-mana kawasan orang asli, rizab orang asli atau mana-mana tempat yang diduduki oleh orang asli dan dia dijumpai di dalam kawasan, rizab atau tempat itu orang itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

(5) Mana-mana orang yang didapati melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (4) boleh ditangkap tanpa waran oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai polis.

Seksyen 15. Pengusian orang yang tidak diingini.

(1) Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai polis boleh menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam mana-mana kawasan orang asli, rizab orang asli atau mana-mana tempat yang diduduki orang asli jika dia ada sebab bagi mempercayai bahawa aktiviti orang itu memudarangkan kebajikan mana-mana orang asli atau mana-mana masyarakat orang asli dan hendaklah memindahkan orang itu dari kawasan, rizab atau tempat itu dalam tempoh tujuh hari dari tarikh dia ditahan.

Seksyen 16. Ketua.

(1) Ketua turun-temurun bagi sesuatu masyarakat orang asli hendaklah menjadi ketua masyarakat itu atau, dalam hal sesuatu masyarakat orang asli yang dalamnya jawatan ketua itu bukan turun-temurun, seorang yang dipilih sebagai ketua oleh anggota masyarakat itu hendaklah menjadi ketua masyarakat itu, tertakluk dalam setiap kes kepada pengesahan oleh Menteri

.

(2) Menteri boleh memecat mana-mana ketua daripada jawatannya.

Seksyen 17. Orang asli tidak boleh dihalang masuk ke mana-mana sekolah.

(1) Tiada kanak-kanak orang asli boleh dihalang daripada pergi ke mana-mana sekolah semata-mata oleh sebab dia orang asli.

(2) Tiada kanak-kanak orang asli yang pergi ke mana-mana sekolah boleh diwajibkan menghadiri apa-apa pengajaran agama melainkan jika persetujuan bapanya atau ibunya, jika bapanya telah mati, atau penjaganya, jika kedua-dua ibu bapanya telah mati, telah dimaklumkan kepada Ketua Pengarah terlebih dahulu dan disampaikan oleh Ketua Pengarah secara bertulis kepada guru besar sekolah yang berkenaan itu.

(3) Mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.

(2) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai polis yang menahan atau memindahkan mana-mana orang mengikut subseksyen (1) hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin melaporkan segala hal keadaan itu secara bertulis kepada Menteri.

Seksyen 18. Kanak-kanak orang asli tidak boleh diambil sebagai anak angkat, dsb.

(1) Tiada seseorang yang bukan orang asli daripada kumpulan etnik yang sama boleh mengambil sebagai anak angkat atau mengambil alih pemeliharaan, penjagaan atau pengawalan mana-mana kanak-kanak orang asli kecuali dengan persetujuan Ketua Pengarah dan dalam memberikan persetujuan itu Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar seksyen ini atau melakukan suatu pelanggaran terhadap apa-apa syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Seksyen 19. Peraturan-peraturan.

(1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan maksud Akta ini dan khususnya bagi yang berikut:

(a) pewujudan, jenis dan pengawalseliaan petempatan orang asli di dalam kawasan orang asli dan rizab orang asli;

(b) melarang sama ada secara mutlak atau secara bersyarat dan mengawal kemasukan mana-mana orang atau mana-mana golongan orang ke dalam rizab orang asli, kawasan orang asli, tempat yang diduduki oleh orang asli dan petempatan orang asli;

- (c) mengadakan peruntukan bagi pelantikan, dan menetapkan kelayakan dan cara melantik mana-mana ketua;
 - (d) mengadakan peruntukan bagi pendaftaran orang asli;
 - (e) cara membuktikan dan merekodkan hak pendudukan yang diberikan kepada orang asli di bawah Akta ini;
 - (f) melarang penanaman mana-mana hasil tertentu di atas tanah yang mengenainya hak pendudukan telah diberikan;
 - (g) membenarkan dan mengawal selia penebangan hutan di dalam kawasan orang asli dan rizab orang asli;
 - (h) membenarkan orang asli mengambil hasil hutan di dalam kawasan orang asli;
 - (i) mengawal penangkapan burung dan binatang liar oleh orang asli;
 - (j) mengadakan peruntukan bagi penubuhan sekolah di dalam kawasan orang asli, rizab orang asli dan tempat yang diduduki oleh orang asli dan menetapkan kurikulum sekolah itu dan kelayakan bagi guru di sekolah itu;
 - (k) menetapkan terma dan syarat yang berasaskannya orang asli diambil kerja, dan peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan bagi membolehkan Ketua Pengarah mendapatkan apa-apa upah atau gaji yang kena dibayar kepada orang asli itu mengikut peraturan-peraturan itu;
 - (l) melarang sama ada secara mutlak atau secara bersyarat kemasukan ke dalam atau pengedaran di dalam mana-mana kawasan orang asli, rizab orang asli atau tempat yang diduduki oleh orang asli apa-apa benda bertulis atau bercetak, apa-apa filem sinematograf dan segala benda sama ada sama jenisnya dengan benda bertulis atau bercetak atau tidak mengandungi apa-apa gambaran tampak, atau yang dengan rupanya, bentuknya atau dengan apa-apa cara lain yang boleh membayangkan perkataan atau idea dan tiap-tiap salinan dan pengeluaran semula atau pengeluaran semula sebahagian besarnya;
 - (m) melarang sama ada secara mutlak atau secara bersyarat penjualan atau pemberian apa-apa minuman keras yang memabukkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan eksais kepada mana-mana orang asli atau masyarakat orang asli yang tertentu atau di dalam mana-mana kawasan orang asli, rizab orang asli atau tempat yang diduduki oleh orang asli; dan
 - (n) menetapkan istilah dengannya orang asli, masyarakat orang asli dan kumpulan etnik orang asli akan disebut.
- (o) (*Ditinggalkan*).
- (2) Tiada peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud perenggan (1)(a), (e), (f), (g), (h) atau (i) melainkan Kerajaan Negeri di mana peraturan-peraturan itu akan berkuat kuasa telah dirundingi terlebih dahulu.

JADUAL

AKTA ORANG ASLI 1954

[Subseksyen 14(1)]

Kepada,

.....
.....
.....

Bahwasanya Menteri berpuas hati bahawa setelah mengambil kira terhadap *pentadbiran /kebijikan/kesejahteraan yang sepatutnya bagi orang asli di dalam *kawasan orang asli..... / rizab orang asli/ tempat yang diduduki oleh orang asli tuan dilarang daripada *memasukinya/berada di dalamnya;

Oleh yang demikian pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh subseksyen 14(1) Akta ini, Saya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kebijikan orang asli, dengan ini memerintahkan bahawa dari tarikh perintah ini tuan dengan ini dilarang daripada *memasuki/berada dalam* kawasan/rizab/tempat yang disebut terdahulu.

Bertarikh 20

SENARAI PINDAAN

<i>Undang-undang yang meminda Ord. 60/1956</i>	<i>Tajuk ringkas</i>	<i>Berkuatkuasa dari</i>
L.N. 332/1958	Ordinan Majlis Lantikan Negeri-negeri Selat (Perubahan Nama) 1956	01-09-1956
Akta 16/1967	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Ubahsuaian Undang-Undang) (Ordinan dan Pemasyhuran) 1958	13-11-1958
P.U. (B) 324/1970	Akta Orang Asli (Pindaan) 1967	06-04-1967
Akta 160	Pemberitahuan di bawah seksyen 3 Ordinan Nama Jawatan 1949	01-01-1971
	Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975